

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 5 OGOS 2021  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT :

### 'Tempoh sebulan untuk bermuafakat, jadikan Malaysia stabil'

Ilah Hafiz Aziz - Ogos 5, 2021 @ 4:44pm

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

KUALA LUMPUR: Tempoh sebulan sebelum Parlimen bersidang wajar digunakan sebaik mungkin untuk bermuafakat dan meletakkan negara dalam keadaan lebih stabil, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata bagi memastikan Malaysia terus mencatatkan kejayaan, negara memerlukan keamanan serta kestabilan politik.

"Alhamdulillah, pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengenai rancangan untuk mengadakan undi percaya di Parlimen pada September ini mententeramkan keadaan. Pengumuman itu diterima baik oleh sebahagian besar rakyat.

"Kekuatan utama Malaysia sejak merdeka ialah kestabilan politik yang membolehkan negara ini mencapai kejayaan yang membanggakan dalam pelbagai bidang," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Ahli Parlimen Jeli itu berkata, Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menjadi sebuah negara maju kerana mempunyai pelbagai sumber dan modal insan yang berkualiti.

"Untuk mencapai matlamat sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kita perlu menggembung seluruh tenaga dan buah fikiran mewakili pelbagai sektor, bagi menangani krisis kesihatan dan krisis ekonomi yang tidak pernah kita alami.

"Antara prasyarat untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi ialah pelaburan dalam dan luar negeri kerana ia adalah di antara pemangkin kepada pemulihan ekonomi yang dapat menyediakan peluang pekerjaan, menjana pendapatan dan meningkatkan eksport.

"Iklim pelaburan yang kukuh serta kestabilan politik akan memastikan Malaysia dapat terus menarik pelaburan dari dalam dan luar negara.

"Marilah kita bekerja sebagai satu pasukan demi menjamin masa depan yang lebih baik untuk anak cucu kita," katanya.